

Mengukur Pencapaian Kelestarian Program Transformasi Kerajaan “Gagasan 1Malaysia” Dari Perspektif Belia Malaysia

Measuring Sustainability Performance of Government’s Transformation Program “1Malaysia” From The Youth Perspective

Hesti Cahyaningrum Suhadi
Mohd Helmi Abd Rahim

Pusat Komunikasi dan Masyarakat Digital
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Gagasan 1Malaysia (G1M) telah dibina berdasarkan Perlembagaan Malaysia, pelbagai polisi dan undang-undang, Rukunegara, Wawasan 2020 dan Misi Nasional. Melalui G1M, rakyat diminta menerima kedudukan kepelbagaian kaum, agama dan kepercayaan yang inklusif dalam membina perasaan saling menghormati dan menerima bagi menjadikannya satu asas yang kukuh terhadap perpaduan dan saling mempercayai. Pelan hala tuju ini merupakan permulaan, dengan susun atur yang jelas mengenai objektif, sasaran dan rancangan, serta kesannya yang akan diterima oleh generasi baru terutama para belia Malaysia. Dari tahun ke tahun, kelestarian transformasi G1M ini masih diragui akan keyakinan masyarakat terhadap G1M. Kajian ini dibuat bagi mengenalpasti tahap penerimaan belia terhadap G1M ini, selain menilai persepsi belia Malaysia, dan seterusnya mengenalpasti tahap kelestarian G1M ini pada masa hadapan. Kelestarian diukur berdasarkan Model PSR (Hardi, 1995) yang mengukur pencapaian kelestarian berdasarkan faktor tekanan, keadaan dan tindakbalas. Kajian menggunakan kaedah tinjauan berasaskan soalselidik terhadap 400 responden dengan anggaran sampel yang ditentukan dari model penentuan saiz sampel Ramos (2011). Dapatan kajian menunjukkan bahawa belia Malaysia terhadap kebolehan untuk mencapai kelestarian G1M adalah tinggi. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara belia lelaki dan perempuan dalam pencapaian kelestarian G1M. Perbezaan antara belia Bandar dan luar Bandar juga tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Rumusan kajian mendapati bahawa tahap kemampuan G1M dalam mencapai kelestarian berada pada tahap yang tinggi. Justeru itu, program transformasi kerajaan “Gagasan 1Malaysia” adalah brjaya, malah berkemampuan untuk mencapai kelestarian. Adalah diharapkan program G1M ini diteruskan dengan penambahbaikan berterusan dari masa ke semasa, dan tidak diabaikan sebagai program politik semata-mata. Adalah dirasakan program ini amatlah bertepatan dengan kesejahteraan rakyat, terutama masa depan para belia di Malaysia.

Kata kunci: Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, kelestarian, persepsi, belia Malaysia

ABSTRACT

The 1Malaysia agenda has been realized based on the Federal Constitution, various government policies and laws, the National Pillars of Malaysia (Rukunegara), Vision 2020 and the National Mission. The 1Malaysia agenda focuses on values like accepting multiracialism, differences in religion and inclusive religious diversity in order to build mutual respect and acceptance among Malaysian. These values are important as it justify unity and trustworthy. The roadmap is a starting point, with a clear layout of objectives, targets and plans, as well as its impact on the future generation, especially the youth.

Following the years, the sustainability of this transformation has yet being a question of gaining public confidence in the implementation of the 1Malaysia programs. Therefore, this study was conducted to identify the level of youth acceptance in order to gauge the sustainability of the 1Malaysia agenda. This study also meant to assess the perception of youth in Malaysia towards the 1Malaysia programs and further identifies the sustainability of the programs for the future. The sustainability performance is measured based upon the Pressure, State and Reaction (PSR) model developed by Hardi (1995). The research used the survey method on 400 respondents on sample estimation identified from the model of Ramos (2011). The findings show that the youth perceives the ability to achieve sustainability of the 1Malaysia programs is of high level. There is no significance difference in gender and geographical contexts of urban and rural areas among the youth in their evaluation of the sustainability performance of the 1Malaysia programs. This finding also suggests a high level of ability of the programs in achieving sustainability. Thus, the 1Malaysia agenda is a success, and even achieved sustainability performance in the perception of the Malaysian youth. It is a hope that the 1Malaysia agenda to be continued and not seen as merely a political agenda. It is a program that exactly fit into the contexts of an agenda of the rakyat, and preserving the future for the Malaysian youth.

Keywords: 1Malaysia Agenda, Government Transformation Program, sustainability, perception, Malaysian youth

1. Pengenalan

Malaysia, sebagai sebuah negara yang sedang membangun dengan penduduk yang meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sentiasa berhasrat kepada pembangunan yang seiring dengan pembangunan dunia. Oleh itu, program demi program telah dilaksanakan sebagai tunjang kepada perubahan atau transformasi kepada masyarakat. Kini, Malaysia sedang rancak menjalankan program-program yang telah dirancang, di bawah kepimpinan Perdana Menteri Malaysia yang ke enam, iaitu, YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Program Transformasi Kerajaan (GTP) merupakan sebuah pelan tindakan tunggal yang dibahagikan kepada tiga fasa yang berbeza, dengan setiap satunya mempunyai tumpuan masing-masing iaitu GTP 1.0 Fasa Pertama, GTP 2.0 Meningkatkan perubahan dan GTP 3.0 Untuk masa hadapan dan seterusnya. Perubahan yang dilaksanakan secara beransur-ansur ini, menjadikan program-program ini penting dalam membentuk proses transformasi dalam membina asas yang terbaik pada setiap langkah perjalanannya, dalam memenuhi hasrat semua pihak. Setiap langkah perlulah bergerak serentak, dalam memastikan keberkesanana dapat dinilai pada masa hadapan, seandainya memerlukan untuk menukar strategi dalam menghadapi cabaran baru, (Institut Tadbiran AwamNegara, 2015).

Gagasan 1Malaysia (G1M), salah satu daripada program GTP ini, merangkumi idea perpaduan dalam kepelbagaian dan juga menekankan kepentingan perpaduan negara tanpa melihat perbezaan bangsa, latar belakang, mahupun kepercayaan agama. Konsep ini perlulah kekal relevan, dan penting untuk dihayati oleh seluruh rakyat Malaysia (Noore Alam, 2014).

Manakala, usaha untuk mewujudkan kelestarian dalam program GTP, dan salah satu di antaranya, ialah program G1M ini, saling berkait dengan tindakan masyarakat sebagai sumber, iaitu, dengan memberikan penekanan terhadap keadaan persekitaran, yang dipengaruhi oleh tindakan-tindakan manusia seperti ekonomi, alam sekitar dan sosial itu sendiri. Dalam erti kata lain, pengukuran kelestarian adalah penting dan perlu berasaskan kepada tiga perkara utama ini. Tekanan masyarakat terhadap alam sekitar sama ada dalam bentuk sumber yang diperoleh, perubahan yang dilakukan akant dilihat pada konteks perbandingan dengan yang sebelumnya. Maka, konstruk tekanan, keadaan dan kesan terhadap aktiviti manusia ini akan dilihat sebagai pengukuran kelestarian (Lovins, 2005).

Berasaskan senario di atas, makalah ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan belia Malaysia terhadap Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia yang telah dilaksanakan. Kajian ini juga dijalankan untuk menilai dengan lebih dalam mengenai persepsi dan penerimaan belia terhadap Program 1Malaysia ini. Selanjutnya, kajian ini juga bertujuan untuk melihat kemampuan program ini dalam mencapai kelestarian dengan menggunakan pengujian analisis hipotesis yang dijalankan. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti:

1. Tahap pengetahuan belia terhadap program transformasi kerajaan 1Malaysia
2. Persepsi belia di Malaysia mengenai Program 1Malaysia
3. Tahap kemampuan Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia dalam mencapai kelestarian.


2. Permasalahan Kajian dan Kerangka Model

Keberhasilan yang ketara yang akan dapat dilihat dan dirasai oleh masyarakat Malaysia, adalah konsep perpaduan antara satu sama tanpa perbezaan bangsa, agama dan latar belakang dalam menikmati inisiatif yang disediakan oleh kerajaan Malaysia. Namun, dari tahun ke tahun, kemampunan transformasi tersebut kepada masyarakat masih kurang dinilai sepenuhnya, dalam erti kata, mendapat keyakinan terhadap Program 1Malaysia yang dijalankan ini. Ditambah lagi dengan isu perbezaan di antara kaum dan kurangnya persefahaman, sering kali didengari, walaupun Program Transformasi 1Malaysia ini telah dilaksanakan.

Selain itu, masalah kajian juga ingin menunjukkan dan menghuraikan kesan Program 1Malaysia yang dijalankan oleh kerajaan terhadap masyarakat. Belia merupakan golongan sasaran yang akan terus menerima inisiatif yang diusahakan oleh kerajaan ini. Kerajaan telah membina pelan hala tuju dengan susun atur yang jelas mengenai objektif, sasaran dan rancangan yang akan dipantau melalui laporan kemajuan tahunan. Kelestarian setiap program yang dijalankan oleh kerajaan menjadi faktor utama terhadap program yang dilaksanakan ini, dan kebolehan untuk berterusan pada masa akan datang. Maka keyakinan masyarakat terhadap kebolehan kemampunan program 1Malaysia ini sememangnya perlu diambil peduli dalam menjangkakan ketahanan program yang dijalankan pada setiap tahun ini.

Rajah 1 menunjukkan model PSR (Hardi, 1995) yang dijadikan reka bentuk kajian bagi mengukur kelestarian program transformasi kerajaan 1Malaysia dari persepsi belia. Pengkategorian terbahagi kepada tekanan, keadaan dan tindak balas. Ketiga-tiga kategori tersebut mempunyai hubungan dan saling berkaitan di antara satu sama lain. Pengujian telah dibuktikan dalam kajian dengan ujian korelasi Pearson seperti yang tertera di bahagian hasil kajian.

Kerangka kajian ini adalah berdasarkan konsep pengukuran kelestarian oleh Peter Hardi (1995) di mana ia menguji penentu dalam mengukur kelestarian. Model yang dikenali sebagai model *Pressure, State, Response* (PSR) ini lebih menekankan tekanan terhadap sesuatu program yang dijalankan, keadaan semasa yang diperolehi dan juga tindak balas setiap ekologi yang terhasil daripada keadaan yang telah dilaksanakan itu.



RAJAH 1. Rangka Kerja Pengukuran Kelestarian berdasarkan Model *Tekanan, Keadaan, Tindakbalas (Pressure, State, Response)*

Menurut Peter Hardi (1995) dalam artikelnya, '*Models and Methods of Measuring Sustainable Development Performance*', menerangkan pengukuran kelestarian haruslah berasaskan kepada tiga perkara utama iaitu, tekanan masyarakat terhadap alam sekitar sama ada dalam bentuk pencemaran mahupun sumber yang diperolehi. Kedua, ianya perlulah menyatakan perubahan yang telah dilakukan dengan melihat perbandingan pada sebelumnya. Ketiga pula, kesan terhadap aktiviti manusia itu sendiri terutamanya dalam bentuk politik dan sosial.

3. Tinjauan Kesusasteraan

Transformasi merupakan perubahan dari satu tahap, kepada satu tahap yang lebih baik. Teori Transformasi telah diterangkan dalam buku *Collective Visioning: How Groups Can Work Together for a Just and Sustainable Future* oleh Linda Stout (2011), menyatakan bahawa teori transformasi dapat dibentuk melalui 4 aspek iaitu mengemaskini konsep, pembaharuan, ketahanan dan penciptaan semula.

Pembaharuan dilakukan berdasarkan sistem semasa yang sesuai dengan arus pemodenan zaman yang dilalui. Struktur semasa dalam masyarakat mempunyai kesan sebenar ke atas kehidupan seharian mereka, dan keupayaan untuk menentukannya sendiri. Walaupun begitu, keperluan yang segera dan sebenar masyarakat yang mungkin tidak mempunyai makanan yang sesuai dengan kehidupan, perumahan yang selesa, bekerja dengan gaji tinggi, keselamatan dan peluang yang perlu diambil, terutamanya, jika berusaha untuk membina asas dari bawah ke atas dengan didahului oleh mereka yang paling terjejas oleh ketidakadilan (Stout, 2011). Strategi ini menangani keperluan segera dan memerlukan institusi sosial dan politik semasa untuk menangani masalah sosial ini yang semakin berleluasa. Pendekatan yang boleh diambil termasuk perkhidmatan manusia dan pembangunan dasar.

Dalam kajian ini, tekanan merujuk kepada aktiviti masyarakat terhadap sumber yang diperlukan oleh masyarakat termasuklah sumber tenaga, pengangkutan, industri, dan lain-lain. Dalam pada itu, bahagian ini juga dapat mengukur pengetahuan masyarakat mengenai program yang dijalankan. Meneliti setiap tekanan oleh kerajaan dalam membentuk inisiatif yang dijalankan dalam program 1Malaysia terhadap rakyat.

Seterusnya pengukuran kedua adalah terhadap keadaan yang terhasil mengikut situasi yang telah dilalui. Keadaan, melibatkan keseluruhan ekologi yang merangkumi keadaan kawasan, persekitaran dan alam sekitar yang telah mengakibatkan sesuatu keadaan itu berlaku. Situasi semasa yang masih berjalan atau sedang dijalankan dinilai terutama terhadap program-program yang telah dilaksanakan. Antara yang dapat dinilai untuk bahagian ini adalah 26 inisiatif program yang dijalankan di seluruh negeri di Malaysia. Oleh itu, konstruk keadaan ini bersesuaian untuk dijadikan kayu pengukur untuk menilai kelestarian program 1Malaysia.

Melalui konstruk keadaan tersebut, ianya juga adalah terhadap kesan yang terhasil untuk melihat semula perbandingan dengan sebelumnya yang berlaku. Manakala, konstruk tindakbalas pula dinilai sebagai penentu kepada kelestarian yang terhasil. Respon manusia selepas melalui keadaan tersebut dengan melihat tindakanbalas yang dilakukan dan kesannya terhadap keadaan sekeliling terutama ekonomi dan alam sekitar.

Tindakbalas juga adalah petunjuk untuk menyediakan maklumat mengenai tindakan atau langkah-langkah yang diambil oleh institusi, organisasi sosial atau individu untuk memperbaiki keadaan alam sekitar atau untuk mengembalikan semula baki sebelumnya seperti pengenalan peraturan, penggunaan instrumen pasaran, peningkatan penguatkuasaan dan lain-lain. Maka, bahagian ini juga akan dapat menilai persepsi terhadap kesan jangka panjang program 1Malaysia yang dilaksanakan. Kesan dan persepsi yang terhasil dapat menunjukkan penilaian awal terhadap kelestarian program 1Malaysia yang dilaksanakan ini.

4. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan, iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik menggunakan aplikasi *Google Doc* terhadap 400 responden. Sampel ditentukan dengan Model Anggaran Sampel Ramos (2011). Kaedah ini digunakan untuk menperolehi persepsi belia Malaysia secara menyeluruh daripada satu sampel dalam sesebuah populasi. Zikmund (1997) menjelaskan bahawa kaedah tinjauan adalah merupakan satu bentuk kaedah penelitian yang mengumpulkan maklumat dari sampel dengan mengemukakan soalan kepada responden. Perolehan data boleh sahaja daripada kaedah penelitian tinjauan sama ada melalui pertanyaan bertulis mahupun lisan (Bailey, 1982). Kaedah kajian ini telah memilih kaedah bertulis dan diedarkan kepada golongan sasaran iaitu belia.


Borang soal selidik diedarkan kepada 400 orang belia yang berumur di antara 15 tahun hingga 40 tahun di seluruh negeri di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya, Labuan dan Kuala Lumpur. Wakil belia daripada setiap negeri ini diedarkan melalui media sosial yang melibatkan *Facebook*, *Whatsapp* dan *Instagram* dengan aplikasi *Google Docs* sebagai kaedah pengutipan data. Analisis data menggunakan perisian SPSS versi 23.

Kebolehkepercayaan kajian ini telah dianalisis melalui ujian Cronbach Alpha dengan nilai 0.969, lantas menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Kesahan muka dan kesahan kandungan turut dilakukan. Kesahan konstruk adalah di antara nilai 0.358 hingga 0.753. Ujian analisis faktor turut juga dilakukan, dengan $KMO = 0.932$ dengan Ujian Bartlett pada tahap signifikan 0.000.


5. Dapatan dan Perbincangan

5.1 Latar Belakang Responden

Rajah 2 menunjukkan taburan 400 orang responden yang terdiri daripada 133 lelaki (33.3%) dan 267 perempuan (66.8%).




RAJAH 2 Jantina Responden




RAJAH 3 Pecahan Bangsa Responden

Rajah 3 pula menunjukkan bangsa responden yang terdiri daripada 346 Melayu (66.8%), 21 Cina (5.3%), 17 India (4.3%) dan 16 lain-lain (4.0%). Dari segi umur, responden terdiri daripada golongan belia yang berumur 15 tahun hingga 40 tahun. Rajah 4 menunjukkan taburan responden yang berusia 15 tahun hingga 20 tahun adalah seramai 96 orang (24.0%), responden 21 tahun hingga 25 tahun seramai 247 orang (61.8%), 26 tahun hingga 30 tahun pula seramai 37 orang (9.3%), diikuti dengan responden berusia 31 tahun hingga 35 tahun seramai 11 orang (2.8%) dan responden 35 tahun hingga 40 tahun seramai 9 orang (2.3%).



RAJAH 4. Pecahan umur responden



RAJAH 5. Tempat Tinggal responden

Rajah 5 menunjukkan tempat tinggal responden yang terbahagi kepada dua iaitu golongan tinggal di bandar dan luar bandar. Sebanyak 258 (64.5%) tinggal di bandar manakala 142 (35.5%) tinggal di luar bandar.

Sebelum ujian regresi dijalankan, ujian korelasi perlu dilakukan terlebih dahulu untuk menilai hubungan yang terdapat dalam setiap konstruk. Dalam kajian ini, konstruk mengukur kelestarian diuji untuk melihat hubungan bagi ketiga-tiga konstruk saling berkait antara satu sama lain bagi mencapai kelestarian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

JADUAL 1. Kolerasi Antara Tekanan, Keadaan dan Tindakan

		Correlations		
		Tekanan	Keadaan	Tindakan
Tekanan	Pearson Correlation	1.0	.674**	.711**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000
	N	400	400	400
Keadaan	Pearson Correlation	.674**	1.0	.714**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000
	N	400	400	400
Tindakbalas	Pearson Correlation	.711 **	.714**	1.0
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	
	N	400	400	400

Jadual 1 telah menunjukkan nilai ujian korelasi yang dijalankan terhadap ketiga-tiga konstruk iaitu Tekanan, Keadaan, dan Tindakbalas. Nilai korelasi yang dinyatakan adalah lebih daripada 0.6 dan ianya jelas menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara ketiga-tiga konstruk kelestarian.

5.2 Mengenal pasti tahap pengetahuan belia terhadap Program Transformasi Kerajaan 1 Malaysia

JADUAL 2. Hubungan Antara Pengetahuan Belia Dengan Kebolehan Mencapai Kelestarian

		Pengetahuan	Keseluruhan
Pengetahuan	Pearson Correlation	1.0	.832**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	400	400
Keseluruhan	Pearson Correlation	.832**	1.0
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	400	400

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Pengujian yang dijalankan adalah berdasarkan item-item yang menyifatkan pengetahuan berdasarkan Program Transformasi Kerajaan 1 Malaysia dalam kalangan responden kajian. Secara keseluruhannya, pembolehubah ini dilihat menunjukkan perhubungan kolerasi pada tahap yang sangat tinggi dengan nilai signifikan $p<0.00$ yang membawa maksud terdapat perhubungan yang kuat antara kedua-dua pemboleh ubah dengan nilai korelasi 0.832. Nilai min = 5.92, pada skala 1-8.

Perhubungan antara kedua-dua perkara ini juga dapat dilihat melalui kebolehan pengguna menjawab soalan yang berdasarkan pengetahuan mengenai Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia yang telah diedarkan di dalam soal selidik. Melalui jawapan yang ditandai melalui skala likert, dapat diyakini bahawa belia di Malaysia cakna dan peka mengenai Program 1Malaysia ini. Kebanyakan belia Malaysia menjawab televisyen merupakan medium utama dalam memberi maklumat yang meluas mengenai Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia. Seramai 337(84.3%) responden memilih televisyen berbanding medium yang lain seperti Facebook dan radio. Oleh itu, pengetahuan yang diperoleh mudah untuk diketahui melalui televisyen yang disiarkan.

Menilai persepsi belia antara jantina di Malaysia mengenai kelestarian Program 1 Malaysia
Analisis ini menggunakan pendekatan Ujian-t sampel bebas dengan mengambil item yang berkaitan dengan persepsi belia terhadap kelestarian Program Transformasi Kerajaan 1 Malaysia.

JADUAL 3. Perbezaan di antara jantina

	Persepsi	Independent Samples Test		t-test for Equality of Means				
		Levene's Test for Equality of Variances		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)
Persepsi	Equal variances assumed			2.065	.152	.144	398	.885
	Equal variances not assumed					.139	241.130	.890

Melalui ujian ini, hasilnya dapat dilihat bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara jantina terhadap persepsi kelestarian program. Hal ini kerana aras signifikan diperoleh ialah 0.885 dengan nilai $t=0.144$, dan nilai ini lebih besar daripada aras signifikan yang telah ditetapkan.

Sampel yang dipilih adalah dalam kalangan belia lelaki dan belia wanita Malaysia yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 40 tahun. Maka, persepsi belia terhadap Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan. Hal ini juga dibuktikan melalui min persepsi belia ($\text{min}=5.86$) yang lebih cenderung kepada sangat setuju dalam kelestarian program. Min item persepsi yang tertinggi ialah ‘*Program 1 Malaysia sesuai untuk semua golongan tanpa mengira status*’ dengan nilai $\text{min}= 6.99$ yang lebih cenderung ke arah sangat setuju dengan persepsi kelestarian ini.

Perbezaan Antara Belia Bandar Dan Luar Bandar Terhadap Persepsi Kelestarian
Perbezaan tempat tinggal belia dengan persepsi program 1 Malaysia juga telah diuji ini seperti yang tertera dalam Jadual 4.

JADUAL 4 Perbezaan Belia Bandar dan Luar Bandar

	Persepsi	Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means		
		F	Sig.	t	Df	Sig. (2-tailed)
Persepsi	Equal variances assumed	.366	.545	.412	396	.681
	Equal variances not assumed			.409	350.669	.683

Adalah didapati pada nilai t bersamaan dengan 0.412 dan darjah kebebasan 396, aras signifikan yang diperoleh ialah 0.681. Nilai tersebut adalah lebih besar daripada aras signifikan yang ditetapkan. Justeru, ini bermakna hipotesis telah ditolak. Maka tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara belia bandar dan luar bandar terhadap persepsi kelestarian.

Hal ini kerana, Program 1Malaysia telah meliputi seluruh negeri di Malaysia tidak kira yang tinggal di bandar maupun pedalaman. Maka, pendekatan kerajaan melalui program ini tidak terkecuali tanpa perbezaan tempat tinggal rakyat. Oleh itu, pendekatan yang

sama rata juga diberikan melalui program-program 1Malaysia yang dilaksanakan meliputi keseluruhan kawasan termasuklah bandar dan kawasan yang terpencil di Malaysia. Salah satu program 1Malaysia yang dilihat mendapat sambutan dan mudah dikenali oleh masyarakat di seluruh Malaysia ialah Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M).

Mengenal pasti Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia mencapai tahap kelestarian Peratusan kecenderungan yang diuji melalui analisis regresi seperti dalam jadual 4 yang ditunjukkan:

JADUAL 5 Ujian Kemampuan 1Malaysia Mencapai Kelestarian

Model	R Square	Std. Error			Change Statistics				
		R Square	Adjusted R Square	of the Estimate	R Square Change	F Change	df1	df2	Sig. F Change
1	.990 ^a	.979	.979	.21493	.979	6195.4 ₁₀	3	396	.000

a. Predictors: (Constant), Tindakan, Tekanan, Keadaan

Peratusan ujian regresi telah menunjukkan sebanyak 97.9% Program Transformasi Kerajaan 1Malaysia mampu mencapai kelestarian. Nilai korelasi yang diuji terlebih dahulu juga menunjukkan nilai yang tinggi, lantas, menunjukkan keyakinan setiap konstruk tersebut saling berhubungan antara satu sama lain dalam membentuk kelestarian, dan, seterusnya jangkaan untuk mencapai kelestarian pada masa hadapan juga diyakini.

6. Rumusan

Berdasarkan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa belia Malaysia peka dan sedar akan kewujudan program Transformasi Kerajaan 1Malaysia atas perlaksanannya yang semakin berkembang dari tahun ke tahun. Ternyata hasil kajian tahap pengetahuan belia berada pada tahap yang tinggi mengenai program 1Malaysia yang dijalankan setelah enam tahun penubuhannya. Ini menunjukkan bahawa program 1Malaysia adalah merupakan program yang mempunyai kemampuan kelestarian dan harus diteruskan hingga ke generasi akan datang. Ada yang berpendapat bahawa program ini adalah program berunsur politik semata-mata, namun kajian ini telah menunjukkan disebaliknya. Rasa ingin tahu dan sokongan para belia begitu jelas kerana telah ditunjukkan pada pengetahuan yang tinggi terhadap program 1Malaysia ini. Dalam masa yang sama, kemampuan kelestarian program ini berada di tahap yang tinggi pada persepsi belia di Malaysia. Tidak terdapat perbezaan sama ada belia lelaki ataupun perempuan, sama ada di Bandar maupun di Luar Bandar. Walau bagaimanapun, pendedahan pengetahuan mengenai produk-produk 1Malaysia yang begitu banyak perlu di pertingkatkan promosi terhadap masyarakat terutamanya belia. Pendedahan yang lebih meluas perlu dipertingkatkan melalui media yang ada. Ini akan dapat lebih mempertingkatkan penerimaan, disamping pengetahuan golongan belia terhadap program-program 1Malaysia. Ini juga difikirkan agar kelestarian Program 1Malaysia akan terus cemerlang hingga ke masa-masa mendatang.

Rujukan

Anon. *GTP: Laporan Tahunan 2010*. (2010). Putrajaya: Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri.

-
- Anon. *GTP: Laporan Tahunan 2011*. (2011). Putrajaya: Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri.
- Noore Alam Siddiquee. (2014). Malaysia's Government Transformation Programme: A Preliminary Assessment. *Intellectual Discourse* 22: 7-31.
- Maizatul Haizan Mahbob & Wan Idros Wan Sulaiman. (2014). Apa Hebatnya Program Transformasi Karajaan?. *Jurnal Komunikasi* 30: 145-158.
- PEMANDU. (2011). Program Transformasi Kerajaan. <http://gtp.pemandu.gov.my/gtp/sub.my> [5 Jun 2017].
- PEMANDU. (2011). Apa itu Transformasi?. <http://pmr.penerangan.gov.my/>. [5 Jun 2017]
- Pejabat Perdana Menteri. 2009. *Booklet 1 Malaysia*. Putrajaya, Malaysia: Pejabat Perdana Menteri.
- Malaysia. 2010. *1 Malaysia: Satu Perspektif Psikologi*. Cyberjaya: Bahagian Pengurusan Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
- Malaysia. (2010). *Program Transformasi Kerajaan*. Putrajaya: Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysian Administrative Modernisation And Management Planning Unit (MAMPU). (2017). Produk 1Malaysia. <http://www.1malaysia.com.my/product/amanah-saham-1malaysia-as1m> [18 September 2017]